

## **SOALAN LAZIM (FAQ)**

### **PROGRAM AKREDITASI PEKERJA BINAAN ASING MELALUI CLAB**

#### **1. Apakah itu Program Akreditasi Pekerja Binaan Asing Melalui CLAB?**

Program ini merupakan satu langkah strategik dalam memastikan pekerja asing yang berkhidmat di tapak pembinaan mempunyai tahap kemahiran yang sah, sekali gus memartabatkan peranan CIDB di bawah Akta 520 serta memperkukuh ekosistem tenaga kerja mahir negara.

#### **2. Apa itu Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP)?**

Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) merupakan dokumen pengiktirafan rasmi yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) kepada pekerja asing yang bekerja dalam sektor pembinaan di Malaysia. SKKP mengesahkan bahawa individu berkenaan telah memiliki tahap kemahiran kerja yang memenuhi standard industri pembinaan negara.

#### **3. Adakah Akreditasi diwajibkan di bawah perundangan sedia ada?**

Ya. Berdasarkan Akta 520 Seksyen 33(a), Tiada penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir boleh terlibat atau diambil, atau mengaku janji untuk terlibat atau diambil sebagai penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir melainkan jika dia diakreditasi dan diperakukan oleh Lembaga dan memegang suatu perakuan yang sah yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Akta ini. Pelanggaran akta ini mengakibatkan denda sebanyak RM5,000 akan dikenakan.

#### **4. Apakah tindakan jika majikan gagal mematuhi keperluan Akreditasi?**

Kontraktor yang gagal mematuhi keperluan Akreditasi boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 bagi setiap pekerja, disenaraihitam dan lesen CIDB ditarik balik

## 5. Bagaimana cara memohon Akreditasi melalui CLAB?

Permohonan boleh dilakukan melalui portal e-SKKP kami di <https://e-skkpclab.com.my>

## 6. Apakah peranan CLAB dalam pengurusan Akreditasi?

CLAB dilantik oleh CIDB berperanan sebagai **PELAKSANA** untuk menyelaraskan proses permohonan serta mengatur tarikh penilaian di Akademi Binaan Malaysia (ABM) sehingga cetakan sijil SKKP dikeluarkan.

## 7. Apakah kelebihan mendaftar permohonan Akreditasi melalui CLAB?

- i. Apakah kelebihan kepada Majikan?
  - Sijil pengiktirafan rasmi daripada CIDB.
  - Meningkatkan reputasi syarikat
  - Menerima insentif 15 mata CCD
  - Mengelak risiko di kompaun, senarai hitam dan lesen CIDB ditarik balik
  - Majikan yang mengemukakan permohonan bagi setiap 10 orang pekerja layak menerima satu (1) keping TNG NFC CLAB Limited Edition.  
*\*\*\*sementara stok masih ada*
- ii. Apakah kelebihan kepada Pekerja?
  - Menerima pengiktirafan sah terhadap kemahiran dalam bidang pembinaan oleh CIDB

## 8. Apakah bidang kemahiran yang ditawarkan bagi Program Akreditasi?

Sila rujuk Jadual Ketiga Akta 520 di pautan berikut :

<https://drive.google.com/file/d/1Wjj4GhNXEZ8Kyjj9TuHs2sCpmEra8WqU/view?usp=sharing>

## 9. Apakah kadar bayaran yang dikenakan bagi permohonan SKKP?

Kadar bayaran adalah sama seperti yang ditetapkan oleh CIDB (tertakluk kepada tred yang disenaraikan pada item 8).

*Nota: Tiada bayaran tambahan yang dikenakan oleh pihak CLAB*

## **10. Apakah proses permohonan Akreditasi melalui CLAB?**

- i. Majikan menghantar permohonan dan membuat pembayaran terus kepada CLAB
- ii. CLAB menyediakan khidmat sokongan dan pengurusan permohonan secara menyeluruh daripada peringkat permohonan sehingga proses selesai
- iii. CLAB akan memaklumkan tarikh penilaian
- iv. Pekerja hadir ke pusat penilaian
- v. Jika lulus, sijil SKKP dikeluarkan oleh CIDB dan majikan boleh memuat turun dari sistem CLAB serta akan menerima pemakluman melalui emel yang didaftarkan

## **11. Sekiranya pekerja saya gagal semasa hadir penilaian, apa yang perlu saya lakukan?**

Pekerja perlu membuat permohonan semula di portal e-SKKP CLAB dan menghadiri sesi penilaian bagi kali kedua.

## **12. Adakah kontraktor boleh memohon tuntutan bayaran balik sekiranya pekerja tidak hadir penilaian?**

Sekiranya pekerja tidak hadir pada hari penilaian, kontraktor tidak layak untuk memohon tuntutan bayaran balik.

## **13. Jika pekerja saya tidak mempunyai permit yang sah, adakah mereka boleh mendaftar program ini?**

Pekerja yang tidak mempunyai permit yang sah tidak layak untuk mendaftar program ini.

## **14. Adakah saya boleh memohon Akreditasi melalui ABM?**

Tidak boleh kerana PELAKSANA program ini adalah pihak CLAB.

## **15. Apakah dokumen yang diperlukan?**

- i. Salinan pasport & permit kerja yang sah
- ii. Gambar Berukuran Passport (Latar Belakang Warna Putih)
- iii. Borang Perakuan Pengalaman Industri.

## **16. Di mana penilaian dilakukan?**

Penilaian dijalankan di cawangan ABM Atau Pusat Penilaian Kompetensi Bertauliah (PPKB) yang telah diperakui oleh pihak CIDB & ABM.

Walau bagaimanapun, penilaian di tapak bina adalah dibenarkan tetapi perlu mendapatkan kelulusan Pejabat CIDB Negeri terlebih dahulu.

## **17. Siapa yang mengeluarkan Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP)?**

Sijil dikeluarkan oleh CIDB Malaysia selepas penilaian selesai dan diluluskan. Setelah sijil dikeluarkan oleh pihak CIDB, CLAB akan mengemaskini cetakan sijil ke portal e-SKKP CLAB.

## **18. Di manakah maklumat lanjut boleh diperoleh?**

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi kami seperti maklumat yang tertera di bawah:-

No Pejabat : 03-2095 9599  
Whatsapp Chat : 018-3769599  
Emel : [eskkp@clab.com.my](mailto:eskkp@clab.com.my)  
Layari : [www.clab.com.my](http://www.clab.com.my)  
Portal e-SKKP CLAB : <https://e-skkpclab.com.my>